

*file copy OK*

Faks : 237605  
Tel : 252692  
Bil : KEW (S) 100-4/9  
Tarikh : 11 Oktober 2001



KEMENTERIAN KEWANGAN  
Wisma Kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

**PEKELILING KEWANGAN BIL. 7 TAHUN 2001**

**DASAR DAN GARISPANDUAN MENGENAI BAYARAN DIVIDEN  
OLEH SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN**

Kepada:

**Semua Setiausaha Tetap Kementerian-Kementerian Negeri  
Semua Pengerusi/Pengurus Besar  
Badan-badan Berkanun Negeri  
Semua Pengerusi/Ketua Eksekutif  
Syarikat-syarikat Kerajaan Negeri**

**1. LATARBELAKANG**

1.1. Dasar dan Garis Panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat-syarikat Kerajaan telah dipersetujui dan diluluskan oleh Jemaah Kabinet pada 31 Oktober 2001.

## **2. TUJUAN**

2.1. Pekeliling ini bertujuan untuk mencapai maksud-maksud berikut:

- i. Mempastikan semua syarikat Kerajaan yang mencatatkan keuntungan membayar dividen kepada Kerajaan Negeri sebagai pemegang saham.
- ii. Mempastikan semua syarikat Kerajaan berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan keuntungan syarikat supaya boleh membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.
- iii. Mengawal dengan lebih rapi penggunaan keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Ini untuk memastikan keuntungan digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang selaras dengan penubuhan syarikat berkenaan.

## **3. TAKRIF**

3.1. Bagi tujuan Pekeliling ini, takrif syarikat-syarikat Kerajaan adalah seperti berikut:

3.1.1. Syarikat-syarikat Induk dan Subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun Negeri di mana pegangan ekuiti melebihi 50%;

3.1.2. Syarikat-syarikat Bersekutu di luar kawalan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri dengan pegangan ekuiti di antara 20% hingga 50%;

3.1.3. Syarikat-syarikat Pelaburan di mana Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri mempunyai pegangan ekuiti kurang dari 20%; dan

3.1.4. Takrif ini termasuk semua lapisan Syarikat Subsidiari, Bersekutu dan Pelaburan di mana Kerajaan mempunyai pegangan ekuiti secara terus atau efektif masing-masing seperti peratusan-peratusan di atas.

#### **4. BADAN BERKANUN NEGERI**

4.1. Bagi tujuan pekeliling ini, Badan-Badan Berkanun Negeri yang mempunyai Modal ekuiti (saham) adalah tertakluk kepada penguatkuasaan dasar bayaran dividen seperti yang dinyatakan dipara 6, 7 dan 8 pekeliling ini.

#### **5. PEMAKAIAN PEKELILING**

5.1. Bagi syarikat-syarikat (Induk) yang dikawal oleh Kerajaan Negeri; cadangan-cadangan bagi bayaran dividen hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Negeri untuk pertimbangan Y.B. Menteri Kewangan Negeri setelah dituluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk masing-masing.

#### **6. DASAR BAYARAN DIVIDEN**

6.1. Dasar-dasar bayaran dividen adalah seperti berikut:

6.1.1. Dividen perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan;

6.1.2. Bayaran dividen sebanyak sekurang-kurangnya 10.0% setiap tahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan Negeri sebagai pemegang saham adalah dijadikan sebagai matlamat. Sekiranya keuntungan lebih (excess profit) diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan ke tahap yang seberapa tinggi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat berkenaan;

6.1.3. Semua bayaran dividen hendaklah dibuat daripada keuntungan sahaja sepertimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 365(1), Akta Syarikat 1965. Di mana ianya tidak bercanggah dengan seksyen tersebut atau seksyen-seksyen lain, keuntungan itu adalah termasuk keuntungan luarbiasa; dan

6.1.4. semua bayaran dividen hendaklah mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Artikel 98 hingga 107, Table A, Jadual 4, Akta syarikat 1965.

## **7. GARISPANDUAN BAYARAN DIVIDEN**

7.1. Garispanduan-garispanduan bayaran dividen adalah seperti berikut:

7.1.1. Lembaga Pengarah Syarikat Induk hendaklah memastikan supaya semua lapisan Syarikat Subsidiari, Bersekutu dan Pelaburan membayar dividen kepada Syarikat Induk masing-masing agar Syarikat Induk itu pula dapat membayar dividen kepada pemegang-pemegang sahamnya.

7.1.2. Lembaga Pengarah Syarikat Induk perlu memastikan dasar-dasar dan garis panduan-garis panduan yang terkandung di dalam Pekeliling ini dilaksanakan dalam semua lapisan Syarikat Subsidiari mereka;

① 7.1.3. Bagi semua lapisan Syarikat Bersekutu dan pelaburan pula, Lembaga Pengarah Syarikat Induk perlu berusaha supaya syarikat-syarikat tersebut mempunyai dasar-dasar dan garis panduan-garis panduan masing-masing mengenai bayaran dividen yang dianggap munasabah. Walaubagaimana pun pemakaian Pekeliling ini masih boleh dilaksanakan di syarikat-syarikat tersebut sekiranya dipersetujui oleh Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan;

② 7.1.4. Semua Syarikat Induk di mana Kerajaan Negeri mempunyai kawalan hendaklah mengemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan Y.B. Menteri Kewangan satu perancangan korporat bagi setiap TIGA (3) tahun mengenai ramalan keuntungan, dan bagaimana keuntungan syarikat akan digunakan, termasuk kadar dividen yang akan dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Perancangan tersebut perlu juga mengandungi ramalan dividen yang akan dibayar kepada Syarikat Induk oleh semua lapisan syarikat di bawah Kumpulan syarikat itu, dan butir-butir lain yang relevan secara terperinci. Perancangan ini yang pertama perlu dikemukakan dalam tempoh tiga (2) bulan dari tarikh Pekeliling ini bagi merangkumi tahun 2002 hingga 2004.

7.1.5. Semua Kumpulan Syarikat yang mempunyai keuntungan perlu mengemukakan kepada Kementerian Kewangan Negeri dengan

① salinan kepada Kementerian Pengawal cadangan bayaran dividen dan asas-asasnya di dalam tempoh tidak lebih dari satu bulan selepas buku akaun tahunannya ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah masing-masing;

7.1.6. Cadangan bayaran yang dikemukakan perlu mengandungi butir-butir yang terperinci seperti keuntungan sebelum cukai tahun yang berkenaan dan bagi TIGA (3) tahun sebelumnya dan asas-asas cadangan bayaran tersebut. Cadangan itu perlu merangkumi cadangan bayaran dividen kepada Syarikat Induk oleh syarikat-syarikat Subsidiarinya berdasarkan kepada prestasi setiap syarikat subsidiari yang diperakukan untuk bayaran dividen. Butir-butir mengenai bayaran dividen oleh Syarikat-syarikat Bersekutu dan Pelaburan perlu juga diberikan.

7.1.7. Syarikat Induk yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen atas sebab-sebab yang tertentu perlu memberikan butir-butir berikut:

- (i) sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar;
- (ii) cadangan bayaran bonus kepada kakitangan (jika ada);
- (iii) cadangan penggunaan keuntungan dan asas-asasnya;
- (iv) kerugian terkumpul (jika ada); dan
- (v) tahun kewangan di mana kerugian terkumpul dijangka boleh dihapuskan dan dividen dapat dibayar.

## **8. MENGEMUKAKAN CADANGAN BAYARAN DIVIDEN DAN BONUS SECARA SERENTAK**

8.1. Cadangan kepada Kementerian Kewangan Negeri mengenai cadangan bayaran dividen kepada pemegang saham perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan syarikat jika ada.

## **9. BAYARAN DIVIDEN KEPADA BADAN BERKANUN**

9.1. Sungguhpun Badan-badan Berkanun biasanya tidak membuat bayaran dalam bentuk dividen kepada Kerajaan, kecuali Badan-badan Berkanun yang mempunyai modal ekuiti (saham), sepertimana diperuntukan dipara 4, semua cadangan bayaran dividen oleh Syarikat-syarikat Subsidiarinya perlu dimaklumkan kepada Y.B. Menteri Kewangan setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah badan Berkanun yang berkenaan.

9.2. Badan-badan Berkanun yang menerima bayaran dividen dari syarikat-syarikat di mana mereka memegang ekuiti hendaklah membuat cadangan penggunaan dividen tersebut dengan keutamaan dibuat keatas pembayaran hutang-hutang yang telah perolehi daripada Kerajaan Negeri, kepada Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan Negeri (Kementerian Kewangan Negeri), untuk kelulusan Y.B. Menteri Kewangan sebaik sahaja dividen dari syarikat-syarikat itu diterima.

## **10. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN PELABURAN**

10.1. Sekiranya Syarikat-syarikat Bersekutu dan Pelaburan tidak membayar dividen untuk TIGA (3) tahun berturut-turut, laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Negeri bagi membolehkan pertimbangan dibuat sama ada untuk melupuskan kepentingan Kerajaan dalam syarikat-syarikat tersebut atau tidak. Laporan itu hendaklah, di antara lain, mengandungi butir-butir berikut:


- 10.1.1. Latarbelakang penubuhan/perolehan ekuiti dalam syarikat berkenaan;
- 10.1.2. Objektif perolehan ekuiti dalam syarikat berkenaan;
- 10.1.3. Prestasi pelaburan sejak penubuhan/perolehan ekuiti;
- 10.1.4. Sebab-sebab syarikat tidak membayar dividen; dan
- 10.1.5. Ramalan bayaran dividen TIGA (3) tahun ke hadapan.

## **11. SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN YANG DISENARAIKAN DI BURSA SAHAM KUALA LUMPUR (BSKL)**

11.1. Bagi Syarikat-syarikat Induk dan Subsidiari yang dikawal oleh Kerajaan dan disenaraikan di BSKL, Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan peraturan-peraturan yang sedia ada di BSKL yang berkaitan dengan perkara ini.

## 12. TARIKH KUATKUASA

12.1. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.



**(DATUK HJ. S. ABDILLAH S. HASSAN, J.P.)**  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
SABAH